

# Derita Penyakit Usus

Doa si ibu tidak pernah putus buat  
*Luqman*

Oleh: Khairun Nisa Isak Foto: Koleksi Peribadi Umi Hijrahwati



Uuuuu... Uuuuu... Uuuuu... Sayu benar tangisan si kecil yang baru sahaja selesai menjalani pembedahan tengah hari itu. Matanya masih terpejam namun tangisannya enggan berhenti. Ahmad Khairulnizam Mat Sulaiman, 37, sabar memujuk sambil menepuk lembut punggung Muhammad Luqman yang sedang berbaring di kafil bayi di sebelahnya.

Umi Hijrahwati Sujono, 37, juga cuba bercakap dengan nada memujuk agar Luqman dapat tidur dengan lena. Namun, pujukannya tidak diendahkan sebaiknya Luqman terus-terusan mengongoi. Umi dan suaminya mengagak, kemungkinan kesan ubat bilis ketika pembedahan semakin hilang, menyebabkan anaknya mula merasa kesakitannya.

Kisah bermula awal Jun lalu ketika bulan puasa. seawal jam 4.00 pagi Luqman terjaga ketika Umi sibuk menyiapkan tugasannya. Lalu dia mengejutkan suami, bimbang Luqman cuba mengganggu kerjanya. Tetapi, Luqman leka malah seronok bermain sendirian. Seketika dia tidur semula

sehingga jam 6.00 pagi Luqman bangun dan menangis sekuat-kuat hati. Tangisannya seperti terlalu sakit kerana Luqman menangis seperti menjerit.

"Puas saya dan suami cuba pujuk tapi Luqman masih menangis. Diberi makan, dia tidak mahu. Hanya mahu minum susu sahaja. Sebaik habis susu diminumnya, Luqman muntah kesemuanya. Perkara yang sama berlaku beberapa kali selepas dia minum susu.

"Kami bawa Luqman terus ke klinik. Di klinik, sebaik lagi Luqman muntah. Keluar cairan berwanah kehijauan. Melihat keadaan tersebut, doktor meminta kami terus merujuk kes Luqman ke hospital. Kemudian, terus kami bawa anak ke Hospital Tawakal dan terus sahaja

dia diwadkan. Selepas pemeriksaan fizikal dan berdasarkan apa yang kami ceritakan, doktor mengesyaki Luqman ada masalah berkaitan usus.

"Jam 10.00 malam ujian ultrasound dilakukan. Selepas imbasan, barulah doktor dapat kenal pasti punca perutnya membengkak. Rupa-rupanya, Luqman menghidap penyakit *intussusception* di mana, usus kecil Luqman telah termasuk ke dalam usus besar. Agak jauh ke dalam usus besar. Saya tertanya-tanya apakah kes ini membahayakan. Sungguh tidak sangka, tiba-tiba sahaja anak yang sihat cerita ini mengalami masalah seperti ini," kata Umi memulakan cerita tentang apa yang menyebabkan anaknya berkeadaan demikian.

**Gangren pada Usus Kecil**  
Sejenis cecair putih (barium) dimasukkan melalui punggung Luqman. Kata doktor, ubat tersebut akan membantu menurunkan kembali usus kecilnya dari dalam usus besar. Sekiranya berjaya, pembedahan tidak diperlukan. Pun begitu, usaha pertama gagal. Sekali lagi, ubat yang sama dimasukkan. Pun gagal. Kali ketiga juga begitu.

Akhirnya, doktor membuat keputusan pembedahan segera perlu dilakukan. Jam 1.00 pagi, pembedahan terus dilakukan. Menurut doktor, jika tempoh pembedahan berlangsung antara setengah hingga satu jam, insyaAllah tiada masalah. Jika lebih pula, mungkin ada masalah.  
"Tak henti-henti kami berdoa agar tiada masalah yang timbul ketika pembedahan. Namun, selepas satu jam dan pembedahan masih berterusan hati saya mula rasa tidak enak. Pembedahan tersebut mengambil masa sehingga tiga jam.

"Ya Allah, bermacam-macam yang saya fikirkan. Suami masih kelihatan tenang. Tetapi saya tahu dia juga sedang berperang dengan perasaan sendiri. Usai pembedahan, doktor menerangkan bahawa *intussusception* semakin serius menyebabkan gangren pada usus kecil sebanyak 20 sm.

"Jadi doktor telah potong ususnya yang bermasalah dan cantumkan semula. Dalam masa yang sama, terdapat kelainan pada usus kecil Luqman yang dinamakan *diverticulum*, iaitu seolah-olah terdapat cabang lain pada usus. Sebab itu, pembedahan mengambil masa yang panjang dan appendiks Luqman juga terpaksa dibuang," kata Umi lagi.




Luqman terpaksa lalu beberapa pembedahan akibat Penyakit Intussusception.

**Kehilangan Zat Makanan**  
Sehari selepas pembedahan, perut Luqman seperti membengkak dan semakin membesar. Doktor memaklumkan bahawa usus Luqman mengalami ileus iaitu keadaan usu yang tidak bergerak. Beberapa jenis antibiotik digunakan untuk mengatasi masalah tersebut.

Tetapi masalah lain pula timbul. Doktor dapati kadar hemoglobin Luqman terlalu rendah untuk membolehkan pembedahan dilakukan. Jadi doktor memasukkan darah kepadanya.  
"Kali pertama, darah yang dimasukkan tidak berjaya. Cubaan kali kedua juga tidak berjaya. Komplikasi pemindahan darah berkenaan menyebabkan cecair urin Luqman kehitaman. Badan Luqman mula membengkak disebabkan cecair terpaksa dimasukkan dalam jumlah yang banyak untuk mengeluarkan sel darah yang mati daripada mendap di pada pinggang.

"Sekali lagi, doktor menerangkan duduk perkara sebenar. Katanya, Luqman kurang darah disebabkan pembedahan, dan kedua pembedahan seterusnya perlu dilakukan. Oleh itu, penting untuk Luqman mempunyai

**"Hanya Allah sahaja yang tahu perasaan kami menanti di luar bilik pembedahan. Tak henti-henti kami berdoa agar tiada masalah yang timbul ketika pembedahan."**



Gara selepas pembedahan, doktor meminta kami datang ke hospital.

darah mencukupi sebelum pembedahan dilakukan sekali lagi.

"Doktor memutuskan untuk mencuba pemindahan untuk kali ketiga. Kali ini proses berkenaan dilaksana tanpa menggunakan pam dan pemanas darah. Kepakaran doktor daripada Pusat Darah Negara digunakan untuk memantau proses berkenaan. Proses pemindahan dilaksanakan secara berhati-hati menggunakan paket darah yang lebih kecil. Alhamdulillah, berjaya.

"Kes Luqman seterusnya dirujuk ke Institut Pediatrik, Hospital Kuala Lumpur. Semasa pembedahan kedua, doktor mendapati kawasan usus kecil yang dibedah sebelum ini mengalami jangkitan kuman. Usus Luqman direhatkan sementara dengan meletakkan di luar badan, di dalam beg *colostomy*. Hal ini bagi memisahkan usus besar dan usus kecil. Mengikut perkiraan doktor, selepas tempoh dua minggu barulah pembedahan seterusnya dilakukan bagi memasukkan semula usus kecil Luqman.

"Akan tetapi, melihat keadaan Luqman yang kehilangan banyak zat makanan, pembedahan seterusnya terpaksa dilakukan. Baru satu minggu berlalu, terpaksa pula dibedah sekali lagi. Namun, itulah usaha kami agar Luqman kembali sihat dan ceria seperti sebelum ini. Itulah yang saya harapkan," tambahnya.

Syukur, setelah pembedahan memasukkan usus kecil, keadaan kesihatan Luqman bertambah baik. Biarpun tubuhnya masih lemah tetapi hari demi hari saya dapat lihat perkembangan positif. Kini, Luqman sudah semakin ceria, mahu bersenyum dan bermain bersama dua abangnya, Muhammad Kashi, 9, dan Muhamman Imran, 6 tahun.

Sungguhpun tempoh yang dilalui beberapa minggu sahaja, tetapi ia merupakan pengalaman yang cukup mencabar kekuatan dan semangat Umi yang juga masih melanjutkan pengajian sambil bekerja.

"Saya dan suami terpaksa bergilir-gilir menunggu di hospital. Beribuka puasa juga bersama-sama di hospital yang bagaikan rumah kedua kami ketika itu. Alhamdulillah, pihak majikan memahami dan memberi kebenaran kepada kami mengambil cuti separuh gaji. Jadi, dapatlah sama-sama fokus menjaga anak ketika dia sakit," ujarnya mengakhiri perbualan. ■